

19 OCT 2003

Argentina-Lembu (Bergambar)

M'SIA TERIMA KARGO PERTAMA 1,420 LEMBU, 33 KUDA DARI ARGENTINA

PASIR GUDANG, 19 Okt (Bernama) -- Malaysia hari ini menerima import pertama 1,420 ekor lembu dan 33 ekor kuda dari Argentina di Pelabuhan Pasir Gudang di sini, yang membuka laluan untuk hubungan dagang yang lebih luas dengan negara benua Amerika Selatan itu.

Tan Sri Halim Mohamad pengerusi eksekutif Kumpulan Halim Mazmin yang menyewa kapal MV Fresian Express bagi mengimport lembu dan kuda itu berkata ketibaan kargo sulung itu merupakan hasil wawasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Usaha ini hasil wawasan Perdana Menteri kita yang mahu melihat hubungan dagang yang lebih luas antara Malaysia dan negara-negara Selatan," katanya pada sidang media sempena ketibaan kargo pertama itu di sini, petang ini.

Dengan ketibaan kargo hidup itu, Kumpulan Halim Mazmin merintis kemudahan laluan pelayaran kapal bagi tujuan dagang antara Malaysia dengan negara-negara di Amerika Selatan itu, katanya.

Beliau berkata lembu-lembu itu akan dikuarantin antara dua hingga tiga bulan di pelabuhan itu untuk tujuan pembiakan baka dan menjadikannya gemuk manakala semua kuda itu untuk kegunaan unit berkuda polis dan pihak berkuasa lain.

Halim berkata kapal Fresian Express itu bertolak dari pelabuhan Buenos Aires, Argentina pada 24 Sept lepas dan belayar melalui Tanjung Harapan melalui Lautan Hindi dan memasuki Selat Melaka untuk tiba di sini dalam masa 25 hari.

"Semasa dalam pelayaran ke sini seekor daripada kuda itu melahirkan anak dan anak kuda itu akan kita hadiahkan kepada Perdana Menteri," katanya.

Beliau berkata kuda-kuda itu pula akan dibawa ke Kuala Lumpur untuk dikuarantin terlebih dahulu antara dua dan tiga bulan sebelum diserahkan kepada polis dan pihak-pihak berkuasa berkenaan.

Dengan kejayaan membawa kargo pertama itu dengan selamat, beliau berharap para pengimport dan pengeksport Malaysia dapatlah menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikatnya bagi berdagang dengan negara-negara di Amerika Selatan.

Mengenai import lembu itu, beliau berkata daging lembu Argentina dikatakan lebih enak dan berkualiti berbanding daging lembu dari beberapa negara lain.

"Harganya juga kompetitif yang membuka peluang besar kepada peniaga di negara kita untuk berurusan dengan rakan niaga di Amerika Selatan," tambahnya.

-- BERNAMA

MNY MNY PR